

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **TUAN JEFF OOI CHUAN AUN (Jelutong)**
TARIKH : **27.10.2016 (Khamis)**
NO. SOALAN : **47**

minta MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI menyatakan sama ada Perjanjian TPP telah berkecai setelah pengunduran Presiden Obama sebagai pendorong utama gagasan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPPA) yang telah ditandatangani oleh Malaysia dan 11 negara lain termasuk Amerika Syarikat sebenarnya hanya akan berkuat kuasa apabila kesemua negara anggota meratifikasi perjanjian tersebut dalam tempoh 24 bulan dari tarikh perjanjian tersebut ditandatangani. Sekiranya ini tidak tercapai, perjanjian ini masih akan berkuat kuasa apabila sekurang-kurangnya enam (6) negara yang menyumbang 85% daripada jumlah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dua belas negara TPPA meratifikasikan perjanjian tersebut.

2. Daripada pengamatan Malaysia dan berdasarkan sejarah Kerajaan Amerika Syarikat, Kerajaan yakin dan percaya bahawa pengunduran Presiden Obama kelak tidak akan menyebabkan perjanjian TPP berkecai. Ini kerana Amerika Syarikat merupakan negara dagangan kedua terbesar di dunia dan Perjanjian TPP juga sangat penting untuk ekonomi mereka terutama bagi sektor perniagaan.

3. Malah Kerajaan Amerika Syarikat juga sedang bekerja keras untuk memastikan ratifikasi TPP terlaksana. Sehubungan itu, Wakil Perdagangan Amerika Syarikat (USTR) sedang berusaha untuk memaklumkan kepada Kongres akan usaha dan tindakan yang sedang dilaksanakan oleh negara-negara TPP yang lain termasuk Malaysia untuk memenuhi obligasi mereka di bawah TPPA. Bagi tujuan ini, pihak USTR telah melawat Malaysia sebanyak tiga kali pada tahun ini iaitu pada bulan April, Jun dan September 2016.

4. Kebiasaannya, Kongres Amerika Syarikat akan bersidang selepas pilihan raya Presiden. Walau bagaimanapun, bagi pilihan raya kali ini, Pentadbiran Amerika Syarikat dijangka akan membentangkan Perjanjian TPP untuk kelulusan Kongres sewaktu sesi *lame duck* pada bulan November 2016 kelak. Pihak Kerajaan akan terus memantau perkembangan proses ratifikasi semua negara TPPA termasuk Amerika Syarikat.

Sekian, terima kasih

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NG WEI AIK [TANJONG]

TARIKH : 27 OKTOBER 2016 (KHAMIS)

SOALAN : 48

Tuan Ng Wei Aik minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan sama ada Menteri Sendiri yang terlibat dalam kelulusan memberi hak kepada Yayasan Gerakan Afirmatif Baharu (NAAM) untuk menjual nombor plat khas yang bermula dengan abjad "NAAM" dan apakah rasionalnya kelulusan tersebut perlu diberi. Nyatakan sebab kelulusan diberikan melalui rundingan terus dan bukannya secara tender terbuka.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Selaras dengan Peruntukan Subkaedah 5A(2), Kaedah-kaedah Kenderaan Motor (Pendaftaran dan Pelesenan) 1959, Menteri Pengangkutan boleh memberi kelulusan nombor pendaftaran khas sebagaimana pelaksanaan nombor pendaftaran siri sedia ada mengikut siri nombor pendaftaran negeri di Malaysia.

Kementerian Pengangkutan telah menerima permohonan daripada Yayasan Tindakan Afirmatif Baharu (NAAM) yang merupakan badan bukan Kerajaan (NGO) bukan berasaskan keuntungan yang ditubuhkan dengan memberi fokus dalam pembangunan ekonomi golongan belia India melalui kursus peningkatan kemahiran dan pembangunan modal insan. Selaras dengan prosedur sedia ada, Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) telah meneliti dan mengemukakan permohonan tersebut untuk pertimbangan. Berdasarkan justifikasi-justifikasi yang dikemukakan Kementerian Pengangkutan telah meluluskan siri nombor pendaftaran tersebut.

Kelulusan nombor pendaftaran khas 'NAAM' bukanlah diberikan secara percuma sebaliknya bayaran sebanyak RM 1 juta dikenakan kepada pihak Yayasan NAAM sebagai pulangan kepada Kerajaan.